

Buku koleksi minda Dr. Mahathir akan diterjemah

UM 4 DEC 2002

KUALA LUMPUR 3 Dis.— Kesemua lima buku koleksi minda Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad akan diterjemah ke dalam pelbagai bahasa bagi memaparkan gaya pemikiran beliau yang analitikal dan kreatif sebagai rujukan kepada rakyat dan masyarakat antarabangsa.

Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNMB), Datuk Abdul Aziz Rahman berkata, buat permulaan pihaknya telah menterjemah buku-buku bahasa Inggeris itu ke dalam bahasa Melayu kerana percaya ia mempunyai nilai pemikiran

yang boleh dipelajari oleh generasi akan datang.

Menurut beliau, jika tiada usaha menterjemah buku-buku tersebut, generasi akan datang sudah pasti akan kerugian kerana tidak dapat menghayati nilai pemikiran Perdana Menteri mereka sendiri yang berjaya dan dihormati di peringkat dunia.

“Saya berhasrat agar suatu hari nanti isi buku-buku berkenaan dapat dijadikan ikutan kepada sesiapa sahaja termasuk para pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis me-

nandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi usaha sama penerbitan buku terjemahan koleksi minda Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad di Hotel Intekma, di sini hari ini.

Memorandum tersebut ditandatangani oleh Abdul Aziz bagi pihak ITNMB bersama Pengerusi Utusan Publications and Distributors (UP&D), Datuk Dr. Firdaus Abdullah serta Naib Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Dr. Ibrahim Abu Shah.

Kesemua buku-buku tersebut ialah CEO - Malaysia-Strategy in Nation Building,

Malaysia Vision 2020, Globalisation, Smart Partnership and Government, Politics, Democracy and The New Asia dan *Regional Cooperation and Digital Economy*.

UP&D akan mencetak dan mengedar buku manakala UiTM pula berfungsi sebagai pasukan sokongan penterjemahan.

Turut hadir bagi menyaksikan majlis itu ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin dan Presiden Persatuan Penerbit Buku Malaysia, Datuk Ng Tieh Chuan.